

Headline	YPC sumbang RM50,000 untuk tabung Alumni UiTM		
MediaTitle	Minguan Malaysia		
Date	06 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	459,793
Page No	15	Readership	1,854,000
Language	Malay	ArticleSize	313 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,012
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,035



YPC sumbang RM50,000 untuk tabung Alumni UiTM

KUALA LUMPUR 5 April

- Kementerian Pendidikan menggalakkan institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta menawarkan kursus 2+2 bagi meningkatkan kualiti mahasiswa dalam pasaran pekerjaan.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, kursus itu meliputi masing-masing dua tahun pembelajaran dan bidang pekerjaan atau praktikal sekali gus meningkatkan pengalaman mahasiswa.

Katanya, kaedah itu dapat memastikan semua mahasiswa IPT mempunyai pengalaman bekerja secukupnya yang akan memudahkan mereka mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian.

“Ini satu pendekatan baharu yang harus diambil perhatian bukan sahaja untuk IPT swasta bahkan awam agar tidak berlaku masalah pengangguran kepada

siswazah pada masa akan datang.

“Melalui kaedah ini, jika mahasiswa tersebut menjalani latihan dalam sektor perniagaan, mereka boleh menjalankan perniagaan selepas tamat belajar disebabkan mereka mempunyai pengalaman. Jadi, saya menggalakkan IPT awam dan swasta membuat kurikulum tersebut dengan berjumpa pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk dilaksanakan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melancarkan Program Festival Rakyat Parlimen Cheras yang turut dihadiri Ketua UMNO Bahagian Cheras, Datuk Seri Syed Ali Alhabshee, di sini hari ini.

Dalam majlis itu juga, Yayasan Pendidikan Cheras (YPC) menyalurkan sumbangan RM50,000 kepada Persatuan Alumni Universiti Teknologi Mara (UiTM).



IDRIS Jusoh (tengah, berdiri) menunjukkan tanda bagus semasa bergambar bersama sebahagian daripada pelajar cemerlang selepas merasmikan Program Festival Rakyat Parlimen Cheras di Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan, Syed Ali Alhabshee (tengah, barisan belakang). - MINGGUAN/ZAKARIA IDRIS